# PERBADANAN ASET KERETAPI
# KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

## NOTIS *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)

**TARIKH: 06 JULAI 2026**

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ialah sebuah badan berkanun persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 [Akta 463].
Syarikat yang berkelayakan dan berpengalaman dijemput untuk mengambil bahagian dan mengemukakan cadangan untuk projek berikut

| MAKLUMAT PROJEK | KEPERLUAN RFP | TARIKH DAN MASA PERMOHONAN MAKLUMAT DITUTUP & TAKLIMAT RFP |
|---|---|---|
| **REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI CADANGAN PELANTIKAN SYARIKAT PENYEDIA PERKHIDMATAN BAGI PEPASANGAN PENGECAS KENDERAAN EV DI STESEN SERI SETIA DAN STESEN JALAN TEMPLER**<br><br>**RAC.600-8/2/6(1)** | **ASPEK: DOKUMEN DIPERLUKAN**<br>**BUTIRAN:**<br>1. Profil Syarikat<br>2. Sijil Penubuhan Syarikat:<br><br>**SYARIKAT TEMPATAN**<br>a) **Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - Salinan Borang 9 yang telah disahkan (Perakuan pemerbadanan).**<br><br>**SYARIKAT KEPUNYAAN ASING**<br>a) **Diperbadankan di Malaysia**<br>Salinan Borang 8 dan/atau Borang 9 (Perakuan pemerbadanan) dan/atau Borang 13 dan/atau Borang 14A (Seksyen 28) yang telah disahkan;<br><br>dan/atau<br><br>b) **Berdaftar di Malaysia**<br>Salinan Borang 83 atau Borang 83A yang telah disahkan (Sijil Pendaftaran Syarikat Asing).<br><br>**ASPEK: KEPERLUAN KEWANGAN**<br>**BUTIRAN:**<br>1. Mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh dengan modul berbayar minimum RM 1.0 Juta: dan<br>2. Mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit bagi 3 tahun terkini (2023, 2024 & 2025).<br>*Sekiranya **TIADA Penyata Kewangan Beraudit terkini**, Draft Penyata Kewangan yang telah disahkan adalah memadai. | ***PENGESAHAN MINAT**<br>I. Pemohon perlu mengemukakan **emel pengesahan minat penyertaan** kepada pihak RAC selewat-lewatnya pada 10 Julai 2026 jam 12.30 Tengah Hari.<br>II. Pemohon dikehendaki menandatangani **Perjanjian Sulit (NDA)** yang akan disediakan oleh pihak RAC melalui emel selepas pemohon mengemukakan emel pengesahan minat penyertaan.<br><br>Emel pengesahan minat penyertaan hendaklah dihantar ke alamat emel berikut:<br>projects@rac.gov.my<br>Sebelum atau pada **10 Julai 2026 (Jumaat)**<br>selewat-lewatnya **12.30 tengah hari**<br><br>***MAKLUMAT RFP**<br>Pemohon perlu menghantar '***Technical Proposal'*** dan "**Financial Proposal'** merangkumi konsep pengurusan, model komersial, unjuran kewangan serta pelan operasi yang relevan.<br><br>Dokumen RFP yang telah lengkap diisi hendaklah WAJIB dihantar secara:<br>a) Satu (1) salinan *Soft Copy* dalam *Pendrive*; dan<br>b) Dua (2) Salinan dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri/ berlakri yang ditulis Tajuk dan No.RFP di penjuru kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti RFP di alamat:<br><br>**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**<br>PERBADANAN ASET KERETAPI<br>Aras 23, Sentral RAC NO.16, Jalan Tun Sambanthan<br>Brickfields 50470 Kuala lumpur<br><br>sebelum atau pada **22 Julai 2026 (Rabu)**<br>selewat-lewatnya **12.00 tengah hari.** |

| | |
|---|---|
| **Maklumat Taklimat :**<br>Tarikh : **15 Julai 2026 (Rabu)**<br>Masa : **11.00 Pagi**<br>Tempat : **Bilik Mesyuarat Paloh Rawa**,<br>Aras 23, Sentral RAC, No. 16 Jalan Tun Sambanthan, Brickfields,50470, Kuala Lumpur. | 1. Pencadang perlu menghadiri **TAKLIMAT RFP (WAJIB)** yang dinyatakan di atas.<br>2. **Tiada sesi lawatan tapak akan dilaksanakan oleh RAC** bagi tujuan RFP ini.<br>3. RAC tidak, atas sebab apa pun, terikat dalam apa cara sekalipun, untuk menerima atau menolak cadangan yang paling rendah, sama, tertinggi atau mana-mana cadangan yang diterima. RAC tidak akan bertanggungjawab ke atas semua kos yang ditanggung berkaitan dengan penyertaan RFP ini.<br>4. Sebarang pertanyaan berkenaan RFP ini, perlu di e-mel ke projects@rac.gov.my Pencadang dinasihatkan supaya sentiasa melayari https://www.rac.gov.my/ untuk sebarang kemas kini/maklumat RFP tambahan yang mungkin dibuat dari semasa ke semasa dalam tempoh RFP ini berlangsung. |